

**PEMANFAATAN FUNDAMENTAL AKHLAK ISLAMIAH WATAK PROTAGONIS  
DALAM NOVEL *KETIKA CINTA BERTASBIH* KARYA HABIBURRAHMAN EL-  
SHIRAZY**

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi<sup>1</sup>

[gamwer\\_994@yahoo.com.my](mailto:gamwer_994@yahoo.com.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**ABSTRAK**

Watak protagonis atau lebih dikenali sebagai watak utama dalam sesebuah novel memainkan peranan yang cukup penting ke arah pendominasian kerangka penceritaan dan pembawakan sesuatu mesej perutusan. Ia ibarat tunjang kekuatan utama kepada sesebuah penceritaan atau novel sama ada menginterpretasikan perutusan yang berunsur positif ataupun sebaliknya. Begitu juga dengan Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy yang dikesan mengandungi nilai dan perutusan Islam yang optimum menerusi penggemblengan watak protagonis secara langsung mahupun tidak langsung. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis pemanfaatan fundamental akhlak Islamiah dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* yang dikarang oleh penulis profilik Indonesia tersebut. Makalah ini menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan novel *Ketika Cinta Bertasbih* sebagai sumber utama pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati pengarang novel iaitu Habiburrahman El-Shirazy telah memanfaatkan penggemblengan watak protagonis dalam novel tersebut iaitu Azzam dengan pendominasian akhlak Islamiah yang optimum. Ini disusuli dengan pencerakinan fundamental akhlak tersebut kepada lapan aspek yang dikenal pasti iaitu aspek sabar, bersangka baik, rajin berusaha dan lain-lain lagi. Penggemblengan ini secara tidak langsung telah mewajarkan lagi novel ini mendapat tempat sebagai sebuah novel pop Islami yang semakin meningkat naik khususnya di Indonesia dan Malaysia.

**Kata Kunci:** Sastera Islami, Habiburrahman El-Shirazy, *Ketika Cinta Bertasbih*, Fundamental Akhlak.

---

<sup>1</sup> Calon PhD Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, e-mel: [gamwer\\_994@yahoo.com.my](mailto:gamwer_994@yahoo.com.my)

## **ABSTRACT**

The protagonist character, better known as the main character in a novel, play an important role towards domination narrative framework and carry a message. It is like the main strength of a story or novel either interprets the positive message or not. Similarly, the novel *Ketika Cinta Bertasbih* contains the message of Islam and the optimum mobilization through the character of the protagonist directly and indirectly. Therefore, this paper aims to analyze the expansion of fundamental Islamic morality in the novel *Ketika Cinta Bertasbih* written by that's prominent author. This paper uses content analysis as a research design by using the novel *Ketika Cinta Bertasbih* as the main source of data collection. Next, the data were analyzed using descriptive analysis. The study found that the author of the novel that is Habiburrahman El-Shirazy has used the mobilization of the protagonist character through the domination of optimization Islamic morality. This is followed by an identification of the fundamental Islamic morality by divided to eight aspects that are patient, good suspect, hardworking and many others. These mobilizations indirectly justify this novel again have a place as an Islamic pop novel growing up, especially in Indonesia and Malaysia.

**Keywords:** Islamic Literature, Habiburrahman El-Shirazy, *Ketika Cinta Bertasbih*, Fundamental of Morality.

## **1.0 PENGENALAN**

Fundamental akhlak merupakan pelengkap kepada agama Islam selepas fundamental akidah sebagai asas kepercayaan dan pegangan dalam hidup serta fundamental syariat sebagai garis panduan yang memimpin manusia menuju kesejahteraan dan kebaikan di dunia dan di akhirat. Jika disoroti peranan dan fungsi ibadat yang dilakukan oleh umat Islam menurut al-Ghazali (2007), ia sama sekali bukan perbuatan ataupun pergerakan yang tidak mempunyai tujuan akan tetapi setiap ibadat yang difardukan oleh Allah ke atas hamba-hamba-Nya adalah medan latihan untuk membina jati diri yang teguh dan membentuk akhlak yang mulia. Ia dapat dilihat seperti contoh aktiviti sukan yang bukan sekadar melibatkan pergerakan yang banyak bahkan memberi kesihatan dan kecergasan badan kepada pelakunya. Begitu juga dengan ibadat yang difardukan dalam Islam seperti solat, ia mampu mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar serta terhindar daripada akhlak yang buruk.

Ini berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Ankabut (29:45) yang bermaksud “Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun). Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar.” Selain itu, ibadat lain seperti zakat juga difardukan bagi menyucikan harta seseorang di samping bertujuan untuk mengikis sikap kedekut dan bakhil serta menanam perasaan belas kasihan terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Firman Allah dalam surah Al-Taubah (9:103) yang bermaksud “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”

Ternyata kepentingan pensyariatannya ibadat dalam Islam bukan sekadar menyempurnakan hubungan seseorang itu dengan pencipta-Nya bahkan mempengaruhi emosi seseorang dalam kehidupan seharian yang diterjemahkan melalui akhlak ataupun perwatakan seseorang. Semakin kuat seseorang itu melaksanakan kewajipan beribadat dan mendekati diri kepada Allah semakin terlihat pada dirinya akhlak baik dan mulia. Akan tetapi sebaliknya jika seseorang itu lalai dan alpa dengan tugasnya sebagai hamba Allah di muka bumi ini, maka sedikit demi sedikit perwatakan buruk akan terpalit dalam dirinya tanpa disedari. Menurut Mohd. Nasir (2010), aktiviti manusia dalam menunaikan ibadat adalah merupakan kewajipan anggota luaran manusia (*outer self*) manakala ikhlas dan khusyuk semasa melaksanakan ibadat pula merupakan kewajipan dalaman (*inner self*). Justeru kewajipan dalaman inilah

yang dinamakan akhlak yang berfungsi untuk memimpin semua aktiviti anggota luaran manusia termasuk ibadat, ekonomi, politik dan lain-lain.

Jelas di sini persoalan akhlak dalam Islam adalah persoalan pokok dalam kehidupan yang perlu dipupuk, dibina, dijaga dan diperkembangkan oleh setiap Muslim. Oleh itu, sasterawan Muslim yang sedar akan peranannya mestilah menerapkan akhlak yang diredhai oleh Allah dalam karya-karyanya sebagai fungsi kepada peranan khalifah di muka bumi ini. Ini bertepatan dengan tujuan manusia dijadikan di muka bumi ini tidak lain dan tidak bukan untuk memperhambakan diri kepada Allah sekaligus telah mencakupi nilai akhlak antara hamba dengan Pencipta.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengamatan dan sorotan lampau terhadap kesusasteraan Melayu pada zaman Hindu-Buddha sebelum kedatangan Islam lebih terarah kepada sastera tahyul, penuh dengan mitos dan dongengan. Ciri-ciri akhlak yang diterapkan dalam karya pada zaman itu adalah terapung-apung kedudukannya, menyorot keagungan dan keajaiban pelbagai objek selain Al-Khaliq, mengheret manusia ke lembah fantasi dan khayalan yang amat bercanggah dengan Islam. Ciri-ciri akhlak yang diterapkan dalam puisi umpamanya dipenuhi dengan impian-impian keduniaan yang melihat alam sekeliling sebagai sumber yang memberi kepuasan dalam kemabukan dan khayalan. Gunung, awan, bulan, angin, laut, pokok-pokok serta kecantikan jasad manusia bukan dilihat daripada sumber yang melambangkan keagungan Allah tetapi sebagai sumber kenikmatan hawa nafsu dan imaginasi yang tidak dipandu. Jika wujud sekalipun aspek-aspek akhlak dalam persoalan budi, hubungan kekeluargaan dan sebagainya, ia bukanlah bersifat kekal kerana segalanya tidak bertolak daripada hubungan cinta antara manusia dengan Khaliqnya (Shahnon, 1981).

Permasalahan akhlak dalam karya sedikit demi sedikit menampakkan kecelaruan dan kebimbangan apabila unsur-unsur berbau seks dan erotik mula mendapat tempat dalam kesusasteraan Melayu. Hubungan antara Johari dan Johariah dalam *Anak Mat Lela Gila* karangan Ishak Haji Muhammad, antara Kassim dengan Gayah dalam *Gadis Hulu Muar* karangan Abdullah Sidek, antara Sulaiman dengan Nurisa dalam *Melor Kuala Lumpur* karangan Harun Aminurrashid telah mula menampakkan gaya ingin merobek tirai kemanisan dan kemesraan akhlak. Berdasarkan novel-novel Melayu selepas perang dunia kedua, seks

dieksploitasikan oleh setiap disiplin meliputi perdagangan, politik, kesenian, pendidikan dan sebagainya. Maka terjadilah kesusasteraan itu sebagai perosak atau peruntuh akhlak yang dahulunya sangat dipelihara dengan utuh dan rapi. Salah satu cara untuk mengatasi permasalahan ini adalah perlunya untuk sasterawan kembali mengenal diri sebagai seorang muslim dan memastikan peranannya dalam hubungan antara manusia dan makhluk yang lain. Hanya kesedaran dan penghayatan tentang status kita sebagai hamba Allah yang mampu menjamin kegiatan sastera yang mengikut acuan Islam dan sebagai kegiatan yang membina akhlak Islamiah yang berterusan (Shahnon, 1981).

Sehubungan itu, penghayatan sasterawan terhadap konsep ketanggung jawaban dan etika dalam berkarya cukup signifikan dan dituntut bagi mewajarkan hasil karya yang mencerminkan akhlak Islamiah yang sebenar. Ini dapat dilihat jika pengarang menterjemahkan watak-watak dengan akhlak Islamiah seperti sabar, tidak mudah berputus asa, optimis dan ini secara langsung dapat menghasilkan perutusan atau mesej yang mengandungi kebaikan. Rangka fiksyen yang mengandungi mesej yang murni akan terhasil melalui penggembleran dan pemanfaatan watak-watak dengan akhlak Islamiah sahaja. Selain daripada itu dikhuatiri akan mewujudkan keraguan dan kekaburan dari aspek moral pada keperibadian watak.

Merujuk kepada kajian ini, pengkaji tertarik untuk mengetengahkan subjek kajian iaitu novel *Ketika Cinta Bertasbih* yang ditulis oleh penulis terkenal dari Indonesia iaitu Habiburrahman El-Shirazy pada tahun 2006. Novel ini adalah antara beberapa buah novel yang dikarang oleh beliau yang mendapat '*best seller*' di Indonesia mahupun Malaysia selain novel *Ayat-Ayat Cinta* (2004), *Dalam Mihrab Cinta* dan lain-lain lagi. Rentetan daripada itu karya novel karangan beliau juga telah menarik perhatian penggiat filem Indonesia untuk diadaptasikan ke layar perak dan drama. Ini adalah kerana novel ini disebut sebagai genre novel Islami yang sangat berkualiti daripada teknik plot penceritaan, gaya bahasa dan keindahan daripada sudut estetika. Terdapat juga beberapa penamaan akidah yang disebut secara jelas dalam novel ini seperti uluhiyyah Allah, Al-Qur'an, Hadith dan beberapa permasalahan syariat Islam yang berkaitan dengan hukum fiqh yang menarik untuk dikaji. Selain itu, komentar daripada Prof. Laode yang menyatakan mengenai pendominasian watak putih oleh protagonis menyerlahkan lagi mesej akhlak yang ingin disampaikan oleh pengarang novel ini.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis pemanfaatan fundamental akhlak Islamiah ke atas watak protagonis dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* yang dikarang oleh penulis profilik terkenal Indonesia iaitu Habiburrahman El-Shirazy. Oleh yang demikian, makalah ini telah mencerakinkan kepada beberapa subtopik antaranya fundamental akhlak Islamiah sebagai satu kerangka analisis diikuti dengan perbahasan kecil di dalamnya iaitu konteks pemanfaatan akhlak Islamiah. Seterusnya, makalah akan meneliti dan menganalisis dengan terperinci berkaitan pemanfaatan akhlak Islamiah yang digemblengkan oleh pengarang novel terhadap watak protagonis dalam novel beliau dengan membahagikan kepada beberapa aspek utama yang telah dikenal pasti. Selepas itu, makalah ini akan disusuli dengan kesimpulan umum terhadap keseluruhan kajian ini. Perbahasan seterusnya akan meneliti secara ringkas berkaitan fundamental akhlak Islamiah sebagai satu kerangka analisis dan penilaian.

### **3.0 FUNDAMENTAL AKHLAK ISLAMIAH SEBAGAI SATU KERANGKA ANALISIS**

Akhlak adalah komponen penting yang membentuk kehidupan seseorang individu. Akhlak adalah perilaku individu itu seharian yang menghubungkan antara konteks hubungan dengan Allah ataupun hubungan sesama makhluk. Akhlak yang mulia adalah manifestasi daripada keimanan kepada Allah dan taqwa yang sebenar yang dijelmakan melalui tindakan individu dalam kehidupan seharian. Manakala akhlak yang buruk adalah cetusan daripada iman yang lemah dan dorongan nafsu yang jahat. Al-Ghazali (1998), seorang tokoh pemikiran Islam yang cukup berpengaruh, dalam karangannya *Ihya' 'Ulumuddin* menyatakan bahawa akhlak yang baik adalah sifat penghulu segala nabi, Nabi Muhammad SAW dan sebaik-baik amalan bagi orang-orang bertaqwa yang diperolehi daripada kepatuhan kepada agama dan istiqamah dalam melakukan ibadat kepada Allah. Manakala bagi akhlak yang buruk pula ialah sifat yang keji, mungkar dan jauh daripada rahmat Allah serta pelakunya berada dalam jalan yang disukai syaitan. Akhlak yang buruk akan membawa makhluk atau pelakunya berada dalam neraka Allah, sedangkan akhlak yang terpuji itu membawa pelakunya meraih syurga Allah.

Nabi Muhammad SAW adalah contoh semulia-mulia makhluk Allah di muka bumi ini yang mempunyai akhlak yang terpuji antara sekalian manusia. Ini jelas berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Ahzaab (33:21) yang bermaksud “Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan

(keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak (dalam masa susah dan senang)”. Dan ayat Al-Qur’an dalam surah Al-Qalam (68:4) yang bermaksud “Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia”. Selain itu, terdapat Hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dalam *Sahih Bukhari* yang bermaksud “Dari Mukhariq, dia berkata: Aku mendengar Thariq berkata: Abdullah berkata: Sesungguhnya sebaik-baik perkataan adalah kitab Allah dan sebaik-baik perilaku adalah perilaku Muhammad S.A.W.”<sup>2</sup>.

Ayat Al-Qur’an dan Hadith di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa Allah mengiktiraf kemuliaan akhlak dan keperibadian yang ada pada diri Rasulullah S.A.W. Ini ditambah pula dengan para sahabat yang hidup sezaman dengan Rasulullah dan menghabiskan banyak masa dan waktu bersama baginda dalam menegakkan syiar Islam di bumi Makkah dan Madinah sudah pasti melihat ciri dan keperibadian terpuji yang dipamerkan oleh baginda dalam setiap keadaan dan tempat. Oleh yang demikian, Baginda SAW adalah contoh ikutan dan teladan yang baik untuk dicontohi kerana baginda adalah makhluk agung yang dipilih oleh Allah untuk menyampaikan risalah-Nya dan menegakkan Islam di muka bumi ini.

Dalam membicarakan konsep akhlak secara terperinci, manifestasi akhlak ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian dalam mendasari kehidupan seseorang individu iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Akhlak ini berhubungkait dengan nilai keimanan dan ketaqwaan sebagai manifestasi seseorang manusia terhadap kedua-dua hubungan sama ada berlaku positif ataupun sebaliknya. Jika seseorang itu beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya, nilai keimanan itu akan terpancar dalam diri seseorang yang dinamakan sebagai akhlak yang baik dan terpuji seperti contoh seseorang itu bersikap sabar dengan dugaan penyakit yang diberikan kepada Allah sebagai tanda kasih Allah kepada hamba-Nya itu. Hal yang sebaliknya akan berlaku jika iman yang goyah dan taqwa yang luntur berasa mudah berputus asa dan menyalahkan takdir atas dugaan sakit yang menyimpannya. Kedua-dua keadaan ini jelas kepada kita bahawa akhlak yang baik ataupun yang buruk dihubungkan dengan hubungan kepada Allah.

Menurut al-Zuhaili (2005), beliau telah menyatakan beberapa sifat dan ciri bagi akhlak yang mulia dalam karyanya yang bertajuk *Akhlak Muslim dan hubungannya dengan masyarakat*. Terdapat beberapa sifat yang disebutkan oleh beliau antaranya ialah kelebihan dan balasan

---

<sup>2</sup> Al-Bukhari, *Sahih al- Bukhari*, kitab Adab, bab Perilaku yang Soleh.

bagi orang yang benar, ihsan terhadap anak yatim dan orang fakir miskin, silaturahmi, berbakti kepada keluarga dan sahabat, berlumba-lumba dalam perkara kebaikan, tawaduk, berlaku adil, kelebihan malu dan banyak lagi sifat dan ciri yang dikemukakan oleh beliau dalam karyanya. Menyentuh kepada konteks pemanfaatan fundamental akhlak dalam karya, ia akan dilihat bagaimana pengarang menterjemahkan fundamental ini dalam pemberian gambaran sifat kepada watak protagonis secara keseluruhannya.

### **3.1 Konteks Pemanfaatan Fundamental Akhlak Islamiah**

Menyentuh mengenai pemanfaatan fundamental akhlak ke dalam karya, persoalan asas yang perlu difahami ialah bagaimana manifestasi kepada konsep taklif dipraktikkan oleh pengarang. Pengarang yang menghayati konsep taklif akan mengetahui segala perbuatannya di dunia kelak akan disoal oleh Allah dan akan menterjemahkan kebolehannya ke dalam karya mengikut etika-etika Islam. Maka sebaliknya pengarang yang kufur dan ingkar kepada Allah akan mengabaikan segala garis panduan yang dibenarkan oleh Islam ketika berkarya.

Pemanfaatan kepada fundamental akhlak Islamiah melihat kepada aspek utama yang perlu diberi perhatian iaitu pemberian gambaran sifat kepada watak dalam kerangka penceritaan. Menyentuh kepada pemberian gambaran sifat kepada watak, ia berkait rapat dengan pemberian gambaran sifat yang melibatkan kesopanan serta memenuhi ciri-ciri akhlak Islamiah yang terpuji. Dalam korpus kajian ini iaitu *Ketika Cinta Bertasbih*, watak utama iaitu Azzam banyak dihiasi dengan perwatakan sebagai seorang muslim yang sejati dan berakhlak mulia. Perwatakan positif yang ada pada watak protagonis ini telah menguatkan lagi mesej kebaikan yang ingin diterapkan oleh pengarang. Selain itu, pemanfaatan terhadap watak sampingan juga akan dilihat kepada perwatakan yang memenuhi kriteria yang dianjurkan oleh Islam bagi menguatkan lagi konteks pemanfaatan yang beretika. Ini sesuai dengan tuntutan yang dicadangkan oleh Shahnnon Ahmad yang menyatakan keperihalan mengenai sifat manusia yang benar-benar memenuhi kriteria pemanfaatan akhlak bagi sebuah novel Islam ialah sejauh mana pengemblengan watak yang berjaya dilakukan oleh pengarang itu dengan mengaitkan kepada keterikatan kepada Allah dalam segenap aspek yang terjadi dalam kehidupan watak tersebut seperti kaya, miskin, gembira, derita dan lain-lain (Shahnnon, 1986).



Konteks pemanfaatan ini amat selari dengan konsep pendekatan taklif yang dianjurkan iaitu makna yang murni. Hanya pemilihan perkataan dan ayat yang bernada positif sahaja mampu menjelmakan permaknaan dan mesej yang baik serta memberikan kesan yang memberangsangkan kepada khalayak pembaca. Justeru, asas kepada pemanfaatan fundamental akhlak terletak kepada diri pengarang sama ada mampu menterjemahkan akhlak Islamiah melalui watak utama dan sampingan ke dalam karya ataupun tidak.

#### **4.0 PEMANFAATAN FUNDAMENTAL AKHLAK ISLAMIAH WATAK PROTAGONIS DALAM NOVEL *KETIKA CINTA BERTASBIH***

Pemanfaatan pada bahagian ini akan melihat secara dekat bagaimana Habiburrahman menterjemahkan fundamental akhlak Islamiah pada watak protagonis dalam novel ini. Menurut Kamus Dewan (2005), protagonis bermaksud watak utama dalam sesuatu cerita ataupun penyokong terkemuka dalam sesuatu perjuangan atau pergerakan. Dalam konteks ‘karya ini watak protagonis dimanfaatkan oleh Azzam, seorang mahasiswa Indonesia yang menuntut di Universiti Al-Azhar Mesir di samping mencari pendapatan sampingan sebagai penjual tempe dan bakso. Dari sisi lain, Prof. Laode M.Kamaluddin, seorang pengkritik sastra dari Indonesia menyifatkan watak Azzam sebagai watak utama ataupun protagonis dalam novel ini telah di ‘eksplotasi’kan oleh Habiburrahman dalam usaha untuk mengetengahkan ‘tokoh malaikat’ dan mengesampingkan ‘tokoh syaitan’. Ini juga merupakan usaha dan strategi daripada beliau untuk menampakkan imej protagonis sebagai seorang yang berhati mulia dan berakhlak baik (Habiburrahman, 2011).

Oleh yang demikian, bahagian ini akan melihat pelbagai aspek akhlak Islamiah yang berjaya dimanfaatkan oleh pengarang dalam mewujudkan satu keperibadian muslim yang unggul ke atas diri protagonis. Antara aspek akhlak yang diterapkan oleh beliau adalah seperti sabar, rajin berusaha, keinsafan, bersangka baik dengan ketetapan Allah, tolong-menolong, optimis dan berani mencuba, berhati-hati dan waspada serta yang terakhir adalah berpegang teguh pada prinsip. Justeru, novel ini akan dianalisis melalui kerangka akhlak Islamiah seperti mana yang diakui oleh Prof.Laode pada ulasan beliau mengenai watak utama dalam novel karangan Habiburrahman ini.

#### **4.1 Aspek Sabar**

Aspek akhlak pertama yang diberikan perhatian oleh pengarang dalam novel beliau ini ialah mengenai aspek sabar. Sabar adalah akhlak Islamiah yang amat dituntut oleh Islam ke atas penganutnya untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan. Perkataan sabar dari segi bahasa bermaksud menghalang dan menahan manakala dari segi istilah pula ialah menahan diri dari kesedihan (al-Hashiri, 2008). Sifat sabar banyak dinyatakan oleh Allah dalam al-Qur'an bagi memberitahu kepada sekalian manusia akan kelebihanannya seperti surah Ibrahim (14:5), surah Yusuf (12:18), surah Al-Baqarah (2:45,153,157) dan lain-lain ayat. Sabar juga merupakan sifat mulia yang ada pada diri para rasul dan para nabi terutamanya rasul ulul azmi yang dianugerahkan oleh Allah sifat kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan tugas dakwah dan memberi peringatan kepada kaum mereka yang melakukan kemaksiatan kepada Allah.

Merujuk kepada aspek sabar dalam karya ini, Habiburrahman telah memanfaatkan watak Azzam ketika mana Azzam sedang memakan ikan bakar ketika majlis makan malam khas yang dianjurkan khusus untuk meraikan sahabat ayah Eliana iaitu Pak Juneidi. Ketika makan, dia bermonolog sendirian terkenangkan keluarganya di Indonesia yang sudah sembilan tahun tidak menatap wajah mereka dan Azzam sangat rindu untuk bertemu dengan mereka. Kutipan dalam teks seperti berikut:

Kalaulah ia mahu berfikiran jujur, maka impiannya yang paling tulus adalah segera pulang ke tanah air bertemu dengan ibu dan adik-beradiknya. Tidak ada impian yang lebih kuat dalam jiwanya melebihi daripada itu. Namun akal sihatnya selalu menahan agar impiannya itu tidak sampai meledak dan melemahkannya.

Adalah wajar bagi seseorang yang sudah bertahun-tahun tidak bertemu keluarganya dan mengharap agar bertemu keluarganya. Namun jika dengan sedikit kesabaran, pertemuan itu akan menjadi lebih bermakna, kenapa tidak bersabar sedikit. Ia boleh saja mengusahakan pulang. Tetapi kuliahnya belum selesai dan adik-adiknya masih memerlukan dirinya untuk bekerja keras. Ia tidak ingin menyerah pada kerinduan yang menjadi penghalang kejayaan. Ia ingin adik-adiknya berjaya, dirinya berjaya. Semua berjaya. Gambaran masa depan jelas. Baru ia akan pulang.

(Habiburrahman, 2011)

Sorotan daripada teks di atas membuktikan kesabaran Azzam dalam menahan rasa rindu kepada keluarganya di kampung. Ini berikutan dia terpaksa membanting tulang mencari pendapatan tambahan untuk menyara keluarganya di kampung selepas kematian ayahnya pada tahun kedua pengajiannya di Mesir. Ini membuatkan dirinya terpaksa menamatkan pengajian lebih lewat dengan memakan masa sembilan tahun demi berkorban untuk adik-adiknya dan melihat kejayaan mereka terlebih dahulu. Sifat kesabaran Azzam jelas kelihatan daripada pengorbanan yang dilakukannya walaupun terpaksa menahan kerinduan terhadap keluarganya untuk tempoh yang agak lama.

#### **4.2 Aspek Rajin dan Gigih Berusaha**

Perbincangan seterusnya menyentuh mengenai aspek rajin serta gigih berusaha dalam apa jua kerja dan tanggungjawab. Sikap rajin amat dituntut dalam Islam kerana ia akan meningkatkan produktiviti dan keberhasilan seseorang dalam kerja yang dilakukannya. Islam tidak menyukai umatnya yang malas berusaha kerana akan menyebabkan berlakunya kemiskinan dan pengangguran bahkan menggalakkan umatnya agar sentiasa rajin berusaha dalam meningkatkan taraf hidup dan pendapatan supaya hasil yang diperolehi nanti dapat dimanfaatkan untuk kepentingan manusia sejagat. Ini bersesuaian dengan intipati ayat dalam surah Al-Ra'd (11:13) yang menekankan seseorang itu tidak dapat mengubah nasib dirinya melainkan dia sendiri yang berusaha untuk mengubahnya sendiri.

Ini bertepatan dengan sikap protagonis dalam novel ini iaitu Azzam yang gigih berusaha demi menyara kehidupan dirinya dan keluarganya di Mesir. Habiburrahman (2011), memaparkan dalam teks seperti berikut:

“Ah Pak Ali terlalu perhatikan saya. Saya memang perlu bekerja keras Pak. Bagi saya ini bukan beban. Saya tidak merasakannya sebagai satu bebanan. Meskipun orang lain mungkin melihatnya sebagai satu beban. Saya memang perlu bekerja untuk menyara adik-adik saya di Indonesia. Ayah saya meninggal dunia ketika saya baru setahun kuliah di Mesir. Saya punya tiga orang adik beradik. Semuanya perempuan. Saya tidak ingin pulang dan meninggalkan kuliah di tengah jalan. Maka satu-satunya jalan adalah saya harus bekerja keras di sini. Jadi itulah kenapa saya sampai menjual tempe, jual bakso, dan membuka perkhidmatan catering.”

Perkataan “bekerja keras” dalam petikan di atas menguatkan lagi konotasi terhadap sikap dan perwatakan Azzam yang gigih berusaha dan sanggup bekerja sambilan sebagai penjual tempe dan bakso di Mesir. Ini beikutan kematian ayahnya ketika dia menuntut dalam tahun kedua pengajian membuatkan keluarganya di Indonesia hilang tempat pergantungan. Berikutan situasi itu, Azzam sebagai anak sulung mengambil tugas ayahnya untuk mencari pendapatan bagi menyara hidup keluarganya di Indonesia dan pengajiannya di Mesir. Perwatakan Azzam yang gigih berusaha itu juga boleh dilihat dalam kutipan lain seperti berikut:

Azzam belajar dengan penuh semangat. Ia ingin khatam. Ia merasa prestasi akademiknya yang tidak cemerlang harus ditutup dengan menyelesaikan ilmu paling utama dalam Islam. Iaitu ilmu membaca Al-Qur’an dengan baik dan betul. Dengan ilmu itu ia dapat mengajarkan cara membaca Al-Qur’an dengan betul, tidak asal-asalan. Adapun ilmu untuk memahami Al-Qur’an, ia telah mendapatkannya dari kampus Al-Azhar.

(Habiburrahman, 2011)

Teks di atas menggambarkan sikap Azzam yang rajin berusaha untuk mendalami ilmu membaca Al-Qur’an dengan baik. Dia telah berkesempatan untuk mempelajari ilmu qiraat riwayat Imam Hafs daripada Adil Ramadhan yang juga merupakan sahabat sekelasnya di Universiti Al-Azhar dan hanya tinggal satu juz lagi untuk dikhatamkan sebelum dia berangkat pulang ke Indonesia. Petikan ayat “Azzam belajar dengan penuh semangat. Ia ingin khatam” menggambarkan sikapnya yang rajin dan gigih berusaha untuk menambah ilmu yang wajar bagi dirinya untuk mendalami dengan tekun. Dalam aspek ini, pengarang bijak memilih dan memanfaatkan ayat bagi menggambarkan sikap dan pendirian Azzam terhadap ilmu.

### **4.3 Aspek Menginsafi Kesalahan Diri**

Aspek yang ketiga ialah mengenai menginsafi kesalahan diri ataupun bertaubat daripada dosa-dosa yang telah dilakukan sama ada secara sedar ataupun tidak. Imam Ghazali (1981), menyatakan bahawa telah wujud kesepakatan bahawa taubat itu wajib dengan meninggalkan maksiat yang telah dilakukan dengan serta-merta dan menyesali kesalahan itu serta berjanji tidak akan mengulangi maksiat yang sama pada masa akan datang. Antara perintah Allah yang memerintah agar hamba-hamba-Nya bertaubat menerusi surah Al-Nur (24:31)

yang bermaksud “Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”

Setiap manusia tidak akan terlepas daripada melakukan kesalahan dan sebaik-baik manusia adalah yang menyedari akan kesalahan yang dilakukannya dan segera untuk bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah. Ini kerana setiap manusia tidak mengetahui bila ajal akan datang menjemputnya dan kita sebagai manusia mestilah sentiasa memohon keampunan daripada Allah pada setiap waktu dan saat. Allah sangat menyukai hamba-hamba-Nya yang selalu memohon keampunan sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah (2:222) yang bermaksud “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Berbalik kepada pemanfaatan aspek ini dalam karya, Habiburrahman telah memanfaatkan watak Azzam selaku protagonis dengan menerbitkan rasa menyesal dan berdosa terhadap sikapnya yang mudah terpedaya dengan kecantikan luaran Eliana. Habiburrahman (2011), menukilkan dalam teks seperti berikut:

Entah kenapa tiba-tiba ia merasa berdosa. Ia merasa berdosa dan jijik pada dirinya sendiri yang begitu rapuh, mudah terpedaya oleh penampilan luar yang menipu. Ia jijik pada dirinya sendiri yang ia rasa terlalu cair pada lawan jenis yang belum halal baginya. Ia hairan sendiri kenapa jati dirinya seolah pudar saat berhadapan atau berdekatan dengan Eliana. Apakah telah sedemikian lemah imannya sehingga kecantikan jasad telah sedemikian mudah menyihir dirinya. Ia beristighfar dalam hatinya. Berkali-kali ia meminta ampun pada Dzat yang menguasai hatinya.

Azzam meratapi kesilapannya dan memarahi dirinya sendiri. Dalam hati ia bersumpah akan lebih menjaga diri, dan hal yang menistakan seperti itu tidak boleh terjadi lagi. Ia juga bersumpah untuk segera menemukan orang yang tidak kalah hebatnya dengan Eliana, tapi bertudung litup, solehah, boleh berbahasa Arab dan berbahasa Inggeris dengan fasih. Kalau terpaksa gadis itu harus orang Mesir tak mengapa. Yang jelas rasa terhinanya harus ia sirna.

Keadaan yang dialami oleh Azzam ini terjadi disebabkan oleh peristiwa di mana Eliana ingin menghadiahkan ciuman khas Perancis kepadanya disebabkan pertolongannya dalam menjayakan majlis makan malam khas untuk ayah Eliana. Rentetan daripada itu Azzam

berasa terhina dengan dirinya sendiri kerana terlalu memberi ruang kepada Eliana untuk mencemarkan maruahnyanya. Dia kembali merenung akan kesilapan-kesilapannya yang lampau sehingga membuka ruang kepada Eliana untuk menawarkan ciuman yang berani itu. Pemanfaatan pengarang pada ayat “Ia beristighfar dalam hatinya. Berkali-kali ia meminta ampun pada Dzat yang menguasai hatinya” menunjukkan keinsafan Azzam terhadap keterlanjuran dirinya dan berharap agar Allah mengampunkan segala kesalahannya itu.

#### **4.4 Aspek Bersangka Baik dengan Ketetapan Allah**

Seterusnya Habiburrahman memanfaatkan watak Azzam melalui aspek akhlak yang keempat iaitu bersangka baik dengan segala ketetapan yang ditentukan oleh Allah. Melihat kepada aspek ini, ia berkait rapat dengan konsep beriman kepada qada' dan qadar Allah. Seseorang yang beriman mesti meyakini dengan keyakinan yang kuat tanpa boleh dirungkaikan bahawa setiap perjalanan kehidupan di muka bumi ini telah ditentukan oleh Allah sejak azali lagi. Ini termasuk dalam persoalan rezeki, ajal, jodoh dan lain-lain lagi kesemuanya telah ditulis oleh Allah di Luh Mahfuz. Kita sebagai hamba hendaklah meyakini bahawa setiap sesuatu yang berlaku ke atas diri ini adalah ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah dan mempunyai hikmah yang tidak diketahui melainkan hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui.

Dalam pemanfaatan aspek ini ke dalam novel, Habiburrahman telah menggunakan watak Azzam dalam penggemblengan aspek ini ketika Azzam baru sahaja selesai menemui Ustaz Mujab dalam menyatakan keinginannya untuk menyunting Anna Althafunnisa'. Kutipan daripada teks seperti berikut:

Sampai di rumah, ia terus ke biliknya untuk istirehat. Di atas meja masih tergeletak surat dari Husna, adiknya di Indonesia yang mengkhabarkan bahawa si kecil Sarah perlu menjalani pembedahan tonsil. Dan perlu biaya pakaian seragam pondok pesantren. Ia terus teringat akan tanggungjawabnya sebagai abang yang paling tua. Ia menangis. Ia merasakan betapa sayangnya Allah kepadanya. Allah masih ingin ia mengutamakan pada tanggungjawabnya membiayai adik-adiknya. Inilah hikmah yang ia dapat dari peristiwa kekecewaannya kerana Anna telah dilamar orang lain.

“Allah belum mengizinkan aku bernikah. Aku masih perlu memperhatikan adik-adikku sampai ke gerbang masa depan yang jelas dan cerah. Kalau aku bernikah waktu ini, perhatianku pada adik-adikku akan berkurang.” Ia berbisik pada dirinya

sendiri. Ia bertekad untuk menutup semua pintu hatinya. Dan ia akan buka kembali setelah pulang ke Indonesia. Setelah ia selesai memperoleh B.A. dan adik-adiknya sudah boleh ia percayai mampu meraih masa depannya.

(Habiburrahman, 2011)

Ayat “Ia menangis. Ia merasakan betapa sayangnya Allah kepadanya. Allah masih ingin ia mengutamakan pada tanggungjawabnya membiayai adik-adiknya.” jelas menunjukkan sikap Azzam yang redha dan bersangka baik dengan ketetapan Allah yang mengaturkan bahawa Anna bukanlah jodohnya yang terbaik. Dia meyakini bahawa ada hikmah yang sudah tertulis di sebalik kegagalannya untuk melamar Anna. Ini kerana di saat itu dia masih mempunyai tanggungjawab yang perlu diselesaikan terhadap kebajikan keluarganya di Indonesia dan jika dia mengahwini Anna dibimbangi dia tidak dapat memberikan perhatian kepada keluarganya terlebih dahulu. Sikap Azzam yang bersangka baik terhadap ketentuan yang direncanakan oleh Allah mengukuhkan lagi jati dirinya sebagai seorang pemuda Islam yang cekal dan tabah di samping menguatkan lagi strategi penceritaan dalam menonjolkan kemuliaan watak protagonis dalam karya ini.

#### **4.5 Aspek Tolong-Menolong Dalam Hal Kebaikan**

Aspek akhlak yang dirungkaikan oleh pengarang seterusnya ialah mengenai tolong-menolong dalam hal-hal dan urusan yang mendatangkan kebaikan. Islam menyarankan penganutnya agar sentiasa tolong-menolong dalam hal yang membawa kepada kebaikan dan keredhaan Allah serta menegah dengan sekeras-kerasnya tolong-menolong dalam perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah. Allah jelas berfirman dalam al-Qur’an menerusi surah Al-Maa’idah (5:2) yang bermaksud “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (ma’siat) dan pencerobohan.” Juga disarankan penganutnya agar sentiasa membawa dan mengajak manusia yang lain ke arah kebaikan dan melarang mereka daripada melakukan kemungkaran kepada Allah.

Aspek tolong-menolong ini adalah di antara aspek yang banyak diketengahkan dan dimanfaatkan oleh pengarang melalui watak Azzam ataupun melalui watak sampingan yang lain. Aspek ini boleh dilihat melalui watak Azzam menghulurkan bantuan kepada Anna dan

Erna dalam mendapatkan semula buku-buku mereka yang telah dibeli pada pameran buku. Kutipan dalam teks seperti berikut:

Bas berhenti. Azzam menuju ke pintu depan. Apabila pintu dibuka, ia terus melompat. Ia hampir berlanggar dengan penumpang yang mahu turun. Ia mepet bergantung di pinggir pintu dan minta sang pemandu berhenti sebentar. Mahasiswi bertudung biru sudah naik. Ia melihat-lihat di bawah kerusi dekat kondektur duduk. Kedua matanya terus menangkap buku dan kitabnya dalam dua plastik putih. Hatinya sangat bahagia. Ketika hendak mengambilnya sang kondektur mempersilakan. Agaknya sang kondektur belum lupa dengan musibah yang menimpa dua mahasiswi beberapa saat yang lalu.

(Habiburrahman, 2011)

Petikan di atas membuktikan dengan nyata perwatakan Azzam yang menolong orang lain ketika mereka berada di dalam kesusahan. Keadaan itu terjadi ketika Azzam baru sahaja pulang dari pasar dan dalam perjalanan pulang ke rumah, dia terserempak dengan dua mahasiswi Indonesia iaitu Anna Althafunnisa' dan sahabatnya Erna yang sedang menangis teresak-esak akibat dompetnya telah dicuri oleh orang Arab ketika mereka berada di dalam bas. Melihat kejadian itu Azzam terus bertindak dengan mengejar bas yang dinaiki mereka berdua bagi mendapatkan kembali buku-buku yang telah dibeli oleh Anna dan Erna. Perwatakan Azzam ini menyerlahkan lagi keperibadian mulia yang dimilikinya dan menguatkan lagi pemanfaatan terhadap elemen akhlak oleh pengarang.

#### **4.6 Aspek Optimis dan Berani Mencuba**

Pada bahagian pemanfaatan aspek berikutnya akan melihat mengenai aspek optimis dan sifat berani mencuba yang dicuba diterjemahkan oleh pengarang dalam karya beliau. Habiburrahman (2011), menterjemahkan aspek ini dalam perwatakan Azzam seperti kutipan di bawah:

“Wah, kamu ni Nang, penakut. Tidak punya keyakinan. Ini bisnes Nang. Bisnes! Nyawa bisnes itu keberanian Nang. Dalam dunia bisnes yang berjaya adalah mereka yang memahami bahawa, hanya perbezaan sedikit antara tentangan dan peluang, dan mereka boleh mengubahnya menjadi keuntungan. Aku memang belum boleh buat Soto Lamongan, tapi aku dulu sering makan Soto Lamongan. Kekhasan rasa dan



bentuk Soto Lamongan masih aku ingat. Yang paling penting aku merasa boleh membuat Soto Lamongan. Dan aku yakin kualitasnya, insya Allah sama dengan yang asalnya!”

“Wah, kamu kadang memang nekad sangat Kang!”

“Bukan nekad Kang. Ini memanfaatkan tentangan menjadi peluang. Nekad adalah untuk mereka yang tidak tahu langkah-langkah pastinya menaklukkan tentangan. Tapi bagi mereka yang tahu langkah-langkah pastinya, itu beerti tidak lagi dikatakan nekad, tapi mengambil peluang dengan sedikit risiko!”

Situasi dalam petikan di atas menunjukkan Azzam baru sahaja mendapat tawaran daripada Eliana untuk menyediakan makanan khas Indonesia iaitu Soto Lamongan sempena majlis hari lahir Eliana yang kedua puluh empat. Dia tanpa berfikir panjang terus menyetujui dan menerima tawaran daripada Eliana kerana merasakan peluang untuk mendapatkan pendapatan sampingan terbuka di depan mata. Pengalaman Azzam sebagai penjual bakso dan tempe dimanfaatkan sepenuhnya bagi menguruskan pembuatan Soto Lamongan walaupun dia tidak pernah membuatnya. Dia berani untuk menghadapi risiko yang baginya dikira hanya sedikit dan mempertaruhkan keberaniannya bagi memperolehi pendapatan yang lumayan. Sikap optimis dan keberanian Azzam untuk mencuba sesuatu yang baru merupakan satu sikap dan perwatakan yang positif yang wajar untuk dicontohi oleh semua orang dalam menghasilkan suatu produktiviti yang terbaik. Justeru itu, sikap sebahagian daripada masyarakat yang tidak mahu berusaha ke arah peningkatan prestasi yang lebih baik dan selesa berada di takuk lama wajar dihindari bagi melahirkan masyarakat muslim yang kukuh dan utuh dari segi ekonomi dan intelek.

#### **4.7 Aspek Keberhatian dan Kewaspadaan**

Pemanfaatan aspek dalam elemen akhlak ini diteruskan dengan menyoroti aspek yang berikutnya iaitu sikap berhati-hati dan sentiasa berwaspada dalam apa jua keadaan. Sikap berhati-hati dan sentiasa berwaspada amat dituntut dalam Islam bahkan ia perlu dimiliki oleh kesemua masyarakat muslim bagi menjamin keselamatan dan keharmonian dalam kehidupan. Sikap tidak berhati-hati dan tergapoh gapah sering kali mengundang musibah dan kecelakaan yang tidak diundang. Oleh yang demikian, sebagai masyarakat muslim yang menjadi contoh

dan ikutan kepada masyarakat yang lain seharusnya sikap ini ditanam dan dipupuk agar mampu mengelakkan sesuatu kecelakaan dan musibah yang tidak diduga.

Menyentuh mengenai pemanfaatan aspek ini dalam karya, Habiburrahman (2011), menterjemahkan aspek ini melalui watak Azzam yang boleh dilihat melalui peristiwa yang berlaku antara Azzam dan sahabat serumahnya, Nasir melalui teks di bawah:

Sebelum masuk ke bilik, Azzam sempat berkata pada Nasir dengan bahasa Jawa:

*“Sir, ojo lali yo. Ojo kok inepke neng kene. Ora tak ijini! Wis aku tak turu ndisik!”*

Nasir mengangguk. Azzam mengangguk sekali lagi ke Wail. Wail pun mengangguk dengan tersenyum.

Dalam hati Azzam minta maaf kerana melakukan hal itu. Tetapi ia merasa sudah menjadi tugas dan kewajipannya menjaga keamanan rumahnya. Bukan ia berburuk sangka pada pemuda Mesir itu, tetapi sikap waspada adalah jalan terbaik untuk tidak berburuk sangka pada siapa saja.

Ayat daripada teks di atas “Bukan ia berburuk sangka pada pemuda Mesir itu, tetapi sikap waspada adalah jalan terbaik untuk tidak berburuk sangka pada siapa saja” menjelaskan sikap Azzam yang menitikberatkan keberhatian dan kewaspadaan dalam dirinya. Keadaan ini terjadi apabila Nasir, sahabat serumahnya membawa pemuda Mesir bernama Wail yang berasal dari Tanta berkunjung ke rumahnya pada waktu malam. Menyedari hasrat Nasir ingin meminta kebenaran daripadanya untuk membenarkan Wail bermalam di rumah mereka menyebabkan Azzam melahirkan rasa curiga dan berwaspada kepada Wail kerana hakikatnya dia tidak mengenali siapa identiti sebenarnya sahabat Nasir tu.

Rentetan dengan kedatangan Wail ke rumah Azzam pada malam itu telah menyebabkan sekumpulan pihak keselamatan Mesir datang ke rumahnya ketika mereka sedang nyenyak tidur. Akan tetapi Azzam dan sahabat serumahnya yang lain bernasib baik kerana Wail dan Nasir tidak bermalam di situ kerana patuh kepada arahan Azzam yang tidak membenarkan sesiapa yang tidak dikenali untuk bermalam di situ. Ini kerana pihak keselamatan Mesir sedang memburu Wail yang merupakan penjenayah yang sangat dikehendaki mereka. Dengan yang demikian, Azzam melahirkan rasa pujian-pujian kepada Allah kerana telah mengilhamkan kepadanya satu tindakan yang dikira dari segi kewarasan manusia sebagai

sesuatu yang tepat. Disebabkan sikap keberhatian dan kewaspadaannya itu, dia dapat mengelakkan sesuatu yang buruk berlaku kepada dirinya dan sahabat serumahnya yang lain. Habiburrahman (2011), merakamkan dalam kutipan di bawah:

Tanpa menunggu jawapan Azzam, komandan itu bangkit dan mengajak ketiga-tiga anak buahnya meninggalkan rumah itu. Ali dan Nanang cepat-cepat ke bilik Fadhil. Azzam mengucap hamdalah dalam hati. Ia tidak boleh membayangkan apa yang akan dialaminya jika Wail El Ahdali jadi menginap di situ. Ia menyandarkan punggungnya ke kerusi. Tiba-tiba ia teringat sesuatu: Nasir dalam bahaya. Dalam bahaya jika terus bersama Wail. Tetapi, di mana Nasir berada di malam itu? Ia tidak tahu. Yang jelas ia harus secepatnya tahu di mana Nasir berada. Baru ia boleh melangkah.

#### **4.8 Aspek Berpegang Teguh Pada Prinsip Kebenaran**

Untuk aspek terakhir dalam pemanfaatan watak protagonis ini akan menyingkap mengenai aspek berpegang teguh pada prinsip kebenaran yang dimanfaatkan oleh pengarang melalui watak Azzam. Daripada asas kebenarannya, Islam sangat menitikberatkan penganutnya agar memiliki sikap tegas dan sentiasa berpegang teguh dengan pegangan Islam yang diyakini mereka lebih-lebih lagi apabila melibatkan pegangan akidah ataupun hukum hakam syariat yang telah ditetapkan dalam Islam. Hakikat ini sebenarnya menuntut kepada sikap keberanian dan ketegasan seseorang dalam menyatakan kebenaran walaupun akan berlaku sesuatu yang tidak diinginkan seperti disisih atau dipulaukan. Firman Allah dalam surah Hud (11:112) menuntut seseorang agar sentiasa berpegang teguh terhadap apa yang telah diperintahkan oleh Allah dan menuntut kepada pengorbanan yang tinggi demi memastikan prinsip kebenaran dapat ditegakkan dan kebatilan dapat dirungkaikan.

Sejarah perjuangan Nabi Muhammad SAW merupakan antara bingkisan cerita yang sangat berguna dan berharga untuk diambil pengiktibaran dan pengajaran oleh kita semua selaku umatnya. Baginda sentiasa bersikap tegas dan berani menyatakan kebenaran berdasarkan prinsip yang dianjurkan oleh Islam melibatkan semua aspek dalam kehidupan. Firman Allah dalam surah Al-Fath (48:29) yang bermaksud “Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam).” Ayat ini menjelaskan mengenai keperibadian mulia yang

ditunjukkan oleh baginda dan para sahabat dalam menghadapi permusuhan daripada orang kafir dan keharmonian sesama orang Islam.

Dalam pemanfaatan aspek ini melalui watak protagonis, terdapat beberapa bahagian yang ditonjolkan oleh pengarang bagi memastikan aspek ini berjaya diterjemahkan dengan sebaiknya dalam karya melalui watak Azzam. Antaranya dapat dilihat ketika mana Azzam menjelaskan kepada Eliana alasannya menolak pelawaan untuk menerima ciuman khas Perancis. Kutipan daripada teks seperti berikut:

“Itulah prinsip yang saya yakini. Mungkin saya akan dikatakan pemuda kolot. Pemuda primitif. Pemuda kampung. Pemuda tidak tahu perkembangan dan sebagainya. Tapi saya tidak peduli. Saya bahagia dengan apa yang saya yakini akan kebenarannya. Dan saya yakin kak Eliana yang pernah belajar di negeri yang mengagungkan kebebasan berpendapat itu akan dapat menghargai pendapat saya.”

(Habiburrahman, 2011)

Situasi di atas membuktikan keperibadian Azzam yang begitu tegas dan berpegang teguh dengan prinsip kebenaran yang diyakininya. Dia meyakini bahawa persentuhan antara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin adalah haram di sisi Islam dan akan mengundang kemurkaan daripada Allah. Dengan yang demikian, atas dasar dan prinsip inilah dia menyatakan kebenaran yang diyakininya kepada Eliana dan tiada kekesalan yang terbit dari lubuk hatinya terhadap apa jua tanggapan Eliana terhadapnya kerana dia meyakini syariat Allah yang terlebih dahulu perlu untuk dipelihara daripada menjaga hati manusia. Ini menunjukkan sikap Azzam yang begitu komited dalam pemeliharaan terhadap hukum dan syariat Allah dan menyerlahkan keperibadiannya yang tegas dalam menyatakan kebenaran.

Selain itu, pemanfaatan pengarang terhadap protagonis melalui aspek ini juga boleh dilihat melalui peristiwa di mana Fadhil menerima sepucuk surat daripada Tiara yang memintanya untuk menerima Tiara sebagai isteri. Ketika itu juga Fadhil berada dalam keadaan dilema dan lantas mengajukan permasalahan yang dialaminya kepada Azzam. Azzam telah menasihati Fadhil agar tidak menerima ajakan daripada Tiara untuk membatalkan majlis perkahwinan antara dia dan Zulkifli kerana dibimbangi akan mencetuskan permasalahan dan kerumitan yang lebih besar lagi. Malahan menurut Azzam, seseorang muslim itu dilarang untuk melamar wanita yang sudah dilamar oleh orang lain dan perkara ini sangat ditegah dalam

Islam. Habiburrahman (2011), dalam karyanya jelas memanfaatkan aspek ini untuk diterjemahkan ke dalam watak Azzam melalui penjelasan yang tegas dan berani oleh Azzam kepada Fadhil mengenai kesan-kesan buruk yang akan timbul sekiranya dia menerima ajakan gila daripada Tiara itu.

Secara keseluruhannya pada pemanfaatan watak Azzam selaku protagonis, ia dapat dilihat sebagai satu percubaan daripada Habiburrahman untuk menerap dan menyerlahkan aspek dan nilai akhlak baik yang ada pada diri Azzam. Secara realitinya, sesebuah karya yang tinggi nilai ilmunya dan memanfaatkan fundamental akhlak harus didokongi oleh watak-watak yang mempunyai nilai kebaikan dan akhlak yang mulia baik dari segi perlakuan lahiriah mahupun aspek dalaman. Apatah lagi aspek kebaikan ini sangat dituntut untuk digemblengkan terutamanya kepada watak protagonis yang merupakan tunjang kepada kerangka penceritaan secara keseluruhannya.

Jika watak protagonis dalam sesuatu karya gagal dijelmakan sebagai seorang yang berhati dan berakhlak mulia, dikhuatiri akan wujud kecelaruan nilai dalam menghayati perwatakan protagonis dan secara tidak langsung akan mengkesampingkan pemanfaatan fundamental akhlak ke dalam sesuatu karya itu. Ini seperti yang didakwa oleh Mohd Affandi Hassan dalam ulasannya terhadap novel *Salina* yang dikarang oleh sasterawan terkenal tanah air iaitu A.Samad Said yang menurut beliau wujud kekeliruan daripada moral cerita dalam novel itu melalui watak protagonis iaitu Salina yang bekerja sebagai pelacur dan pada masa yang sama mempunyai nilai akhlak yang baik seperti suka menolong dan lain-lain. Justeru itu, wujud kekeliruan mengenai nilai moral yang ingin ditegakkan oleh A.Samad Said terutamanya apabila beliau mengilhamkan Salina sebagai protagonis disamping pekerjaannya sebagai pelacur yang amat ditegah oleh Islam (Mohd Affandi et al., 2008).

Oleh yang demikian, strategi penceritaan dengan menekankan watak protagonis sebagai seorang yang berhati mulia dan berakhlak baik dari aspek lahiriah dan dalaman amat dituntut dalam mencernakan kefahaman yang tidak mengelirukan khalayak. Ini dibuktikan dengan pemanfaatan pengarang terhadap watak Azzam dengan menerapkan aspek-aspek akhlak yang baik seperti sabar, optimis, tegas dengan prinsip kebenaran dan lain-lain dilihat sebagai kayu ukur yang utama untuk melihat pemanfaatan fundamental akhlak ini berjaya diterjemahkan ke dalam karya ini. Dengan pemanfaatan aspek-aspek ini kepada watak Azzam dari satu segi,

telah menyerlahkan kredibiliti pengarang dalam menonjolkan ciri-ciri Islam dalam karyanya secara langsung.

## **5.0 KESIMPULAN**

Perbincangan dalam makalah ini secara khususnya telah meneliti pemanfaatan yang dilakukan oleh pengarang melalui aspek-aspek yang terkandung dalam fundamental akhlak Islamiah melalui komponen penceritaan yang cukup penting dalam sesuatu karya iaitu komponen watak dan perwatakan. Menyentuh mengenai watak, watak protagonis merupakan watak utama yang mendominasi aksi penceritaan dalam sesebuah karya dan perwatakan merupakan sifat atau karakter yang ditonjolkan oleh watak tersebut sama ada membawa sifat yang mengandungi kebaikan ataupun keburukan. Manakala bagi aspek-aspek dalam fundamental akhlak hanyalah dipilih berdasarkan aspek yang menepati ciri-ciri akhlak Islamiah seperti kesabaran, rajin dan gigih berusaha, keinsafan, bersangka baik dengan ketetapan Allah, tolong menolong dalam hal-hal kebaikan dan lain-lain lagi. Justeru, aspek ini dipilih bagi mewajarkan pemanfaatan yang beretika iaitu memanfaatkan watak protagonis dengan akhlak Islamiah.

Seterusnya untuk dapatan analisis pada bahagian ini telah memperlihatkan kesungguhan pengarang dalam merencanakan watak protagonis dengan aspek-aspek akhlak Islamiah. Ini dapat dilihat hampir setiap daripada babak penceritaan yang terdapat dalam karya ini mempamerkan kesempurnaan dan kemuliaan watak Azzam sebagai seorang mahasiswa Al-Azhar yang cekal dan tabah dalam mengharungi cabaran hidup di negara orang. Kecekalan Azzam dibuktikan dengan pengorbanannya bekerja sebagai penjual tempe dan bakso untuk menyara kehidupan keluarganya di Indonesia serta untuk dirinya bertahan selama sembilan tahun di bumi Mesir. Dia sanggup melewati pengajiannya di Al-Azhar dalam jangka masa itu semata-mata untuk melihat adik-adiknya Husna, Lia dan Sarah berjaya dalam pelajaran masing-masing terlebih dahulu. Pengorbanan yang dilakukan oleh Azzam dilihat berjaya menguatkan mesej kebaikan yang ingin dilontarkan oleh pengarang sekaligus menonjolkan imej protagonis yang berhati baik dan berakhlak mulia.

Secara kesimpulannya, Habiburrahman telah berjaya memanfaatkan fundamental akhlak dengan menterjemahkan asas itu ke dalam watak protagonis dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih*. Watak ini dilihat penting untuk diisi dengan kerangka akhlak Islamiah kerana

komponen watak merupakan komponen utama yang mewarnai perjalanan penceritaan dalam sesebuah karya. Jika sesebuah karya dihiasi dengan watak-watak yang tidak bermoral ataupun disebut sebagai watak hitam maka akan terhasil sebuah karya yang mungkin akan berlaku kekeliruan daripada segi nilai dan moral. Justeru, tuntutan sesebuah karya yang berteraskan Islam mestilah mendahulukan komponen watak untuk dimanfaatkan oleh pengarang dengan aspek-aspek yang bercirikan akhlak Islamiah agar kemurnian perutusan dan mesej dapat disampaikan kepada khalayak pembaca dengan jayanya.

## **RUJUKAN**

### *Al-Qur<sup>c</sup>an Al-Karim*

- al-Bukhari, al-Imam Abi <sup>c</sup>Abdillah Muhammad ibn Isma<sup>c</sup>il ibn Ibrahim. 2008. *Al Jami<sup>c</sup> al-Sahih*. Ulang Cetak. Jil.4. Jeddah: Dar Al-Minhaj.
- al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya<sup>c</sup> <sup>c</sup>Ulumuddin*. Jil.3. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Ghazali, Muhammad. 2007. *Khuluqu al-Muslim*. Ulang Cetak. Dimasyq: Dar alQalam.
- Habiburrahman El-Shirazy. 2011. *Ketika Cinta Bertasbih (1)*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- al-Hashiri, Abi <sup>c</sup>Abdullah Faisal. 2008. *Al-Akhlaq baina at-Taba<sup>c</sup>u wa at-Tatabbu<sup>c</sup>*. Ulang Cetak. Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Imam Ghazali. 1981. *Taubat Sabar dan Syukur*. Terj.Nurhickmah & Drs R.H.A Suminto. Ulang Cetak. Singapura: Pustaka Nasional Ptd. Ltd.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahnon Ahmad. 1986. Konsep Cereka Islam: Masih Satu Catatan Awal. Dlm. Prof Datuk Ismail Hussien (pnyt). *Sastera dan Agama*, hlm.121-130. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2005. *Akhlaq al-Muslim <sup>c</sup>Alaqtuhu bi al-Mujtama<sup>c</sup>*. Ulang Cetak. Dimasyq: Dar al-Fikr.